

TARIKH	28 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	Nasional

SARS di Makkah terkawal

» *Jemaah kita diminta patuhi arahan pihak berkuasa, TH*

Oleh Nor Fariza Ramlan
norfariza@bharian.com.my

► Kelana Jaya

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, bertitah mengingatkan jemaah haji Malaysia sentiasa mengamalkan budaya murni serta bertolak ansur.

Seri Paduka bertitah, setiap jemaah juga perlu sentiasa mengingatkan antara satu sama lain dalam masa sama mematuhi arahan pihak berkuasa serta peraturan digariskan oleh Lembaga Tabung Haji (TH).

"Patuh kepada peraturan serta nasihat kerana semua ini dilaksanakan bagi menjamin keselamatan jemaah serta melicinkan lagi proses mengerjakan haji," titah baginda ketika berangkat mengucapkan selamat jalan kepada 356 jemaah di Kompleks Haji Kelana Jaya, di sini, semalam.

Turut berangkat, Raja Per-



Seri Paduka bersalaman dengan **jemaah haji** di Kompleks Haji Kelana Jaya, semalam.

[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

maisuri Agong, Tuanku Hamidah Hamidun.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Pengerusi TH, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor.

Pantau penyakit SARS
Sementara itu, Jamil berkata, TH sentiasa memantau perkembangan penyakit Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS)

di Arab Saudi dan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan di negara itu bagi memastikan semua jemaah dalam keadaan sihat.

Ini berikutan TH menerima laporan baru-baru ini ada di antara jemaah Arab Saudi yang dijangkiti penyakit berkenaan dan keadaan wabak itu masih terkawal.

"Pasukan perubatan TH seramai 182 sudah bersedia

dan mengambil langkah proaktif memberi peringatan bukan saja mengenai penyakit itu untuk menyesuaikan diri dengan cuaca panas di sana.

"Dalam masa sama, satu hospital sudah dibina berhampiran Makkah khusus bagi memastikan jemaah yang memerlukan mendapatkan rawatan dengan segera," katanya.

Katanya, setakat ini 10,000 jemaah Malaysia berada Madinah dan akan bergerak ke Makkah secara berperingkat mengikut jadual.

